

Kelab Perpaduan ditubuh di sekolah menengah

OH 16 FEB 2001

PUTRAJAYA, Khamis — Kelab Perpaduan akan diwujudkan di sekolah menengah seluruh negara dalam usaha menyemai nilai murni ke arah mencapai perpaduan nasional lebih jitu pada masa akan datang.

Keputusan itu dicapai dalam pertemuan antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan 43 ahli Panel Penasihat Perpaduan Negara diketuai Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman di sini, hari ini.

Bercakap kepada pemberita selepas pertemuan lebih dua jam itu, Zaharah berkata, projek perintis kelab perpaduan itu akan dilancarkan di Sekolah Menengah Bukit Nanas di ibu negara, bulan depan dan sudah mendapat persetujuan Kementerian Pendidikan.

“Kita lihat bagaimana kemajuan kelab perpaduan Sekolah Bukit Nanas itu nanti sebelum memperluaskan program sama ke seluruh negara. Selepas itu, kita mungkin berbuat demikian pada peringkat institusi pengajian tinggi (IPT),” katanya.

Panel itu yang ditubuhkan pada 1974, berperanan sebagai badan untuk membincangkan secara terus terang isu-isu berhubung perpaduan, menggalakkan perhubungan kaum secara positif dan mencegah perasaan perkauman yang boleh menimbulkan konflik dan konfrantasi antara kaum.

Panel itu dipengerusikan Zaharah dan mengandungi 48 ahli yang dilantik oleh Perdana Menteri, mewakili pelbagai organisasi termasuk pensyarah IPT.

Zaharah berkata, program Kelab Perpaduan itu adalah bagi menyemai rasa tanggungjawab ke arah penghayatan mengenai konsep rukun negara dan nilai penting yang harus ada pada pelajar.

“Kita harus jadinya (kelab perpaduan) untuk kegiatan bagi meningkatkan lagi interaksi di antara pelbagai kaum supaya tidak ada ciri-ciri yang boleh merenggangkan hubungan sesama sendiri,” katanya.